

SKSSR pastikan kesejahteraan suri rumah

Saya masih ingat artikel saya pada awal tahun ini yang menekankan kepentingan perlindungan sosial untuk wanita serta kaedah mengurangkan ketidak-samaan dalam penggunaan masa bagi urusan rumah tangga antara lelaki dan wanita.

Walaupun banyak masa dan tenaga dicurahkan wanita dalam menguruskan keluarga, terdapat juga tanggapan mengelirukan bahawa kerja penjagaan ini mempunyai nilai ekonomi yang terhad.

Malah, pada peringkat global, menurut laporan Persidangan Buruh Antarabangsa (ILC) ke-111 yang disediakan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), baru-baru ini, pekerja domestik dan suri rumah telah diiktiraf sebagai kumpulan berisiko tinggi yang dipinggirkan tanpa mendapat perlindungan sewajarnya.

Oleh itu, saya percaya kita memerlukan anjakan minda apabila berfikir mengenai nilai serta risiko dalam pengurusan rumah tangga dan pekerjaan domestik.

Golongan suri rumah turut terdedah pelbagai risiko seperti bencana domestik dan keilatan.

Jadi, mereka juga mesti diberikan perlindungan keselamatan sosial yang menyeluruh sekira-

nya berlaku kemalangan.

Kes kemalangan di rumah yang tidak dijangka sudah menjadi kebiasaan. Contohnya, kejadian yang menimpa seorang ibu tunggal di Georgetown, Pulau Pinang, di mana silinder gas memasak di rumahnya meletup akibat kebocoran.

Beliau mengalami kecederaan melecur hampir di seluruh badan dan disahkan meninggal dunia dua hari selepas kejadian itu.

Malangnya, beliau tidak dilindungi di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) PERKESO.

Setakat ini, PERKESO telah merekodkan 115 kematian suri rumah berdaftar, di mana keluarga mereka telah menerima faedah PERKESO, termasuk Faedah Pengurusan Mayat dan Pencen Penakat.

Seterusnya mari kita buat perbandingan untuk memahami kekerapan kemalangan berkaitan aktiviti pengurusan rumah tangga.

Pada 2022, terdapat lebih daripada 7,300 kemalangan dilaporkan kepada PERKESO melibatkan pekerja domestik yang menguruskan rumah tangga seperti kerja pembersihan, memasak, penjagaan, memandu dan banyak lagi.

Walau bagaimanapun, sejak penubuhan SKSSR oleh PERKE-



Saya percaya kita memerlukan anjakan minda apabila berfikir mengenai nilai serta risiko dalam pengurusan rumah tangga dan pekerjaan domestik

Dr Mohammed Azman Aziz,
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan PERKESO

SO, hanya 26 kes bencana domestik membabitkan suri rumah dilaporkan.

Statistik itu menunjukkan, kurangnya laporan kemalangan walaupun suri rumah menguruskan kerja yang sama seperti pekerja domestik.

Selain itu, norma baharu di tempat kerja termasuklah peraturan 'bekerja dari rumah' telah meletakkan wanita yang dalam pekerjaan formal di bawah tekanan lebih tinggi kerana perbezaan tidak ketara antara waktu pejabat dan masa untuk menjalankan tanggungjawab rumah tangga.

Peningkatan pelaksanaan berbilang tugas (*multitasking*), tekanan, gangguan dan keletihan

adalah faktor yang boleh menyumbang kepada potensi kemalangan dan bahaya apabila melakukan tugas-tugas domestik.

Realitinya lebih menyedihkan bagi golongan isi rumah yang lebih miskin.

Suri rumah yang tinggal di tempat kediaman tidak diselenggara dengan baik terdedah kepada risiko kemalangan yang tinggi kerana kekurangan akses kepada keselamatan dan kesihatan.

Masalah elektrik dan kerosakan struktur boleh meningkatkan kadar kemungkinan berlakunya kemalangan.

Justeru, perlindungan kepada suri rumah ini bukan hanya berkenaan jaminan pendapatan se-

masa kemalangan; tetapi juga, atas inisiatif dan kesedaran pencegahan.

Sehubungan itu, saya percaya SKSSR PERKESO adalah peluang terbaik buat suri rumah mendapatkan akses kepada perlindungan sosial demi menjamin kesejahteraan hidup, selain memberikan pengiktirafan atas sumbangan mereka.

Untuk menjamin persekitaran masyarakat yang saksama dan adil, adalah penting untuk lebih ramai suri rumah mengambil peluang mendaftar di bawah skim ini.

Dengan menggalakkan pendaftaran SKSSR, secara tidak langsung ia juga dapat menjamin kesejahteraan hidup golongan suri rumah, seterusnya membantu institusi keluarga dalam menghadapi kejutan pendapatan, sekiranya terjadi pada masa hadapan.

Marilah kita bersatu dalam meningkatkan kesedaran dan membina sebuah masyarakat yang cakna ke arah melindungi golongan suri rumah yang memainkan peranan tidak ternilai ini.

Oleh Dr Mohammed
Azman Aziz
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan PERKESO

3/7/23
Berifa Harizan
MS19

TARIKH: 3/7/23
SURAT KHABAR: Berifa Harizan
MUKA SURAT: 19